

Hakim: Mahkamah berkuasa bicarakan undang

SEREMBAN 14 April — Hakim Persekutuan, Datuk Haji Abdul Hamid bin Haji Omar memutuskan hari ini bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk membicarakan seseorang undang di atas nama peribadinya.

Beliau juga memutuskan bahawa sebenarnya undang tidak ditakrifkan sebagai pemerintah di Negeri Sembilan dan bahawa Dewan Keadilan dan undang tidak diberi kuasa untuk menentukan sebarang pertikaian berhubung dengan perlantikan undang.

Hakim itu juga menyebutkan bahawa tidak terbukti bahawa Dewan itu melulus atau mengesahkan perlantikan undang itu.

Beliau membuat keputusan itu di Mahkamah Tinggi di sini sebagai menolak rayuan Undang Luak Jelebu yang ke 15, Datuk

Musa bin Wahab dan Datuk Menteri Othman bin Baginda yang dikemukakan pada 3 April lalu oleh peguam mereka, Encik Ariffin bin Jaka.

Hakim Datuk Haji Hamid memerintahkan kes tersebut dibicarakan secepat mungkin.

Encik Ariffin mengemukakan bahawa mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk melayan dan membicarakan kes perlantikan undang tersebut kerana ia menyentuh adat istiadat Melayu Negeri Sembilan.

Beliau berkata bahawa Undang Luak itu tidak boleh disaman atau dibicarakan atas nama peribadinya kerana seseorang undang itu ditakrifkan sebagai pemerintah di Negeri Sembilan di bawah perenggan (2) article 181 Perlembagaan Persekutuan.

Encik Ariffin juga mengemukakan baha-

wa Dewan Keadilan dan Undang (Badan Tertinggi berhubung dengan adat istiadat Melayu Negeri Sembilan) telah memberi restu terhadap perlantikan itu.

Hakim Datuk Haji Abdul Hamid berkata. "Tidak timbul soal mahkamah campurtangan dalam soal adat di Luak Jelebu.

"Malah adalah menjadi tugas mahkamah menentukan hak dalam masalah pertikaian adat berhubung dengan perlantikan itu di Luak yang berkenaan.

Hakim Persekutuan itu dalam hujahnya ketika membuat keputusan sembilan muka itu berkata:

"Perenggan (2) article 160 Perlembagaan Persekutuan tidak mentakrifkan seseorang undang itu sebagai "pemerintah" dan dengan itu pengecualian baginya untuk dibicarakan seperti di

bawah Perenggan (2) article 181 Perlembagaan Persekutuan tidak dapat dikuatkuasakan.

"Hak seseorang undang di Negeri Sembilan untuk memegang, menikmati dan melaksanakan hak-hak perlembagaan dan kemudahan-kemudahan mestilah tertakluk hanya kepada hak-hak dan kemudahan-kemudahan

di bawah Perlembagaan Negeri tanpa dikesualikan daripada disaman dalam perbicaraan mahkamah di atas nama peribadinya seperti yang diuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan."

Berhubung dengan restu yang diberi terhadap perlantikan itu oleh Dewan Keadilan, Hakim Datuk Haji Abdul Hamid berkata, "Memang boleh diujahkan bahawa perkataan "restu" mungkin bermakna "mengesahkan" atau "meluluskan".

Beliau juga menolak permohonan pihak penyaman, Datuk Ombi Syed Alwee bin Syed Idrus untuk menghalang undang yang baru itu dijalankan dan menguatkuasakan kuasa-kuasa dan hak-hak serta kemudahan-kemudahan sebagai Undang Luak Jelebu.

Katanya, ketika menimbang soal

ini, mahkamah terpaksa mengambil kira keadaan sekeliling dan berpendapat tidak mungkin timbul sebarang kesusahan kepada pihak penyaman sekiranya permohonan untuk memperolehi penghalangan itu dari dikuatkuasakan.

Datuk Ombi juga telah mengemukakan saman meminta mahkamah mengisytiharkan perlantikan Musa bin Wahab sebagai Undang Luak Jelebu yang baru pada 4 Februari 1980 oleh Datuk Menteri Othman sebagai tidak sah, tidak berkesan dan bertenangan dengan undang-undang, adat dan Perlembagaan Luak Jelebu.

Peguam bagi kedua-dua pihak tidak hadir di mahkamah hari ini dan mereka telah diwakili oleh Peguam S.F. Leow manakala Penasihat Undang-Undang Negeri, Encik Razali bin Hassan telah memerhatikan bagi pihak kerajaan negeri.

Datuk Menteri Othman dan Datuk Musa tidak hadir di mahkamah.

Datuk Ombi Syed Alwee telah hadir dengan diiringi oleh kira-kira 30 orang penyokongnya sepanjang keputusan itu dibaca.